

29/10/2003

Dr M bawa era baru politik Sabah

Lichong Angkui

"PERPADUAN rakyat kejayaan terbesar saya" itulah antara kata-kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam satu majlis yang dihadirinya pada lawatan terakhir ke Sabah 8 September lalu.

Tanpa mengetepikan kejayaan negara menempah nama dengan Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur, Proton dan Putrajaya, Dr Mahathir mengakui kejayaan terbesarnya sepanjang 22 tahun sebagai Perdana Menteri adalah keupayaan mengukuhkan perpaduan kaum.

Tentunya bagi Sabah, kenyataan itu mempunyai makna lebih signifikan dan mendalam lantaran negeri ini mempunyai kira-kira 30 kumpulan etnik dengan adat dan budaya politik yang begitu unik.

Malah sepanjang era Dr Mahathir juga, drama politik Sabah paling banyak mewarnai pentas negara yang menyaksikan peralihan tiga kerajaan - Berjaya, Parti Bersatu Sabah (PBS) dan kini Barisan Nasional (BN) - masing-masing sarat dengan kontroversi dan cerita tersendiri.

Sesuatu yang jelas, Dr Mahathir, berjaya membawa kestabilan dan dimensi baru politik Sabah yang sejak sekian lama tidak pernah tenang, sebaliknya penuh adegan dramatik lagi mencemaskan.

Episod paling mendebarkan dan pasti kekal terukir dalam diari politik negara tentunya insiden pada 1990 apabila PBS tiba-tiba bertindak meninggalkan BN menjelang hari pengundian.

Namun, di sebalik tindakan itu, membawa rahmat dan menerbitkan sinar baru apabila Umno berkembang ke Sabah. Sinar itulah kini menerangi kesejahteraan hidup rakyat majmuk di Sabah, dari Kudat di utara hingga ke Nabawan di pedalaman.

Bagi rakyat Sabah, Umno menjadi sandaran utama lantaran ia menjadi tulang belakang kerajaan BN yang memerintah.

Ketua Menteri merangkap Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Seri Musa Aman, dalam temuramah khas dengan Berita Harian berterusterang

dan mengakui Dr Mahathir banyak memberi sumbangan kepada proses pembangunan politik dan kemajuan negeri Sabah.

Katanya, Sabah tidak pernah diketepikan oleh Dr Mahathir dan Kerajaan Pusat meskipun suatu ketika dulu diperintah oleh kerajaan pembangkang.

"Sejak BN menerajui semula pemerintahan di Sabah pada 1994, amat nyata sekali bahawa peruntukan pembangunan telah ditingkatkan bagi mempercepatkan lagi kepesatan kemajuan negeri.

"Amat ketara bahawa tumpuan diberikan untuk memperkuat lagi infrastruktur asasi sama ada dalam bidang ekonomi, sosial, keselamatan,

budaya atau pendidikan," katanya.

Justeru, Musa yang mengambil alih sebagai Ketua Menteri pada Mac lalu menerusi sistem penggiliran jawatan itu, melahirkan rasa optimis kemajuan yang dibawa itu mampu mengubah kehidupan rakyat.

Beliau berpendapat dengan prasarana strategik yang disediakan kerajaan, maka rakyat Malaysia di Sabah pastinya mendapat peluang untuk bersama-sama menyumbang ke arah menjayakan agenda pembangunan negara, iaitu penampilan Bangsa Malaysia dan merealisasikan Wawasan 2020.

Dalam konteks politik, katanya, Dr Mahathir berjaya membawa pembabitan rakyat Bumiputera Sabah dalam arus politik perdana negara dengan membawa Umno ke negeri ini.

"Kini, kita dapat memainkan peranan lebih bermakna dalam konteks politik nasional kerana ikatan kukuh melalui Umno sebagai institusi politik terbesar di negara ini," katanya.

Sehubungan itu, Musa turut mengajak rakyat Sabah supaya menghayati prinsip serta nasihat Dr Mahathir untuk kemajuan masa depan, antaranya berkaitan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Sebagai rakyat dan ahli parti selaku pemegang amanah, seseorang sewajarnya mementingkan penyempurnaan tugas agar rakyat menikmati kemajuan negeri dan negara.

Justeru, katanya, dalam melaksanakan tugas sebagai pemimpin dan pentadbir negeri, seseorang hendaklah menghayati budaya 'Bersih, Cekap dan Amanah' demi merealisasikan konsep akauntabiliti dan ketelusan.

"Sebagai pemimpin, kita juga diingatkan agar sentiasa meningkatkan hubungan silaturahim, saling memahami, bersikap terbuka dan toleran agar semua kaum mengutamakan perpaduan dan hidup di bawah permuafakatan yang matang," katanya.

Bagi Musa secara peribadi, Dr Mahathir seorang negarawan berkeyakinan tinggi dan berwawasan selain sebagai arkitek negara bangsa yang tahu apa yang baik bagi rakyat yang dipimpinya.

Tidak hairanlah, sepanjang dua dekad memimpin negara, pelbagai strategi dan pendekatan diperkenalkannya menggunakan ketajamam pemikiran bersifat kritis, provokatif, radikal dan kreatif sehingga berjaya membawa perubahan kepada rakyat dan negara keseluruhannya.

Sesuatu yang jelas, Dr Mahathir mentransformasikan Malaysia daripada negara pertanian kepada negara moden berteknologi tinggi. Sambil menyatakan rakyat Sabah amat berterima kasih atas keprihatinan Dr Mahathir meningkatkan kualiti hidup mereka, Musa yakin rakyat akan memberi sokongan padu kepada BN sebagai tanda terima kasih.

Hakikatnya, Umno sebagai tunjang arus perdana negara mencorakkan pemikiran dan budaya berpolitik di kalangan rakyat, sekali gus membebaskan mereka daripada kepompong kepartian yang sempit.

Kemasukannya ke Sabah 21 Februari 1991 nyata bukan lagi satu percaturan yang silap. Ini kerana sudah terbukti ia membawa banyak perubahan kepada negeri Sabah dan terpenting sekali ialah kestabilan politik.

Tidak syak lagi, Umno satu-satunya platform dan wadah terbaik perjuangan masyarakat Bumiputera di Sabah. Sebagai parti nasional yang sudah teruji keupayaan dan kewibawaannya sejak merdeka, Umno mampu memenuhi aspirasi dan menyelami kehendak rakyat tanpa meminggirkan kepentingan mana-mana kaum.

Menerusi Umno kini terbina jambatan perpaduan menyeberangi Laut China Selatan menghubungkan Kota Kinabalu dengan Kuala Lumpur, sesuatu yang mungkin mustahil sekiranya Sabah terus ditadbir pembangkang.

Keahlian Umno Sabah kini melebihi 410,000 orang, sekali gus menjadi parti terbesar dengan 20 bahagian seluruh negeri, tidak termasuk lima bahagian baru yang diwujudkan dalam persempadanan baru Suruhanjaya Pilihanraya.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri adalah satu lagi pendekatan diperkenalkan Dr Mahathir untuk menentukan perkongsian bermakna di kalangan tiga kaum utama di Sabah - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

Ia mula dilaksanakan selepas BN mengambil alih teraju kepemimpinan negeri selepas pilihan raya Sabah 1994 dan sehingga kini ia berjalan lancar walaupun ada nada kecil meminta ia dikaji semula.

Menyedari reaksi terbaru itu, Dr Mahathir dalam lawatannya ke Sabah bulan lalu menyerahkannya semula kepada rakyat Sabah menentukannya -- petunjuk sikap terbukanya demi kebaikan rakyat.

Seorang pemimpin kanan Umno Sabah menyifatkan Dr Mahathir sebagai guru atau 'sifu' perubahan atau juga 'master of change' kepada bangsa dan negara. Jika beliau memikirkan mahu membuat perubahan, beliau akan melakukannya dan melaksanakannya sehingga tercapai.

Hasil daripada komitmen Dr Mahathir sebagai guru perubahan, maka Sabah mendapat banyak manfaat sebagaimana dibuktikan pada hari ini.